



PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: SEJARAH PERKEMBANGAN AGAMA KRISTIAN KATOLIK DI TUNRAN, SABAH 1950 - 1994

IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA MARIAM ANAK SAMI SESI PENGAJIAN: 2009
(HURUF BESAR)

*Mengkaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

[Signature]
(TANDATANGAN PENULIS)

[Signature]
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: RH. PINOIE, EMPELAM, 95800 ENAGILIH, SEI AMAN, SARAWAK

EN. MOHAMMAD SHAUKHI
Nama Penyelia

Tarikh: 9/10/2009

Tarikh: 8/10/2009

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017143



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEJARAH PERKEMBANGAN AGAMA KRISTIAN
KATOLIK DI TUARAN, SABAH, 1930-1994**

**MARIA ANAK SAMI
HA2006-5035**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian dalam bidang Sejarah

**PROGRAM SEJARAH
SEKOLAH SAINS SOSIAL
SESI 2008/2009**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 9/10/2009

Tandatangan Pelajar:

Peri.

Maria Anak Sami
HA 2006-5035




PENGESAHAN PENYELIA

Saya mengakui bahawa Latihan Ilmiah ini telah dihasilkan oleh pelajar ini mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Tarikh: 8/10/2009

Tandatangan Penyelia:



Mohamad Shaukhi Md. Razdi



PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana berjaya menyiapkan Latihan Ilmiah ini tepat pada masanya. Di samping itu, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada penyelia saya iaitu En. Mohamad Shaukhi Md. Radzi kerana banyak membantu, membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang membuat Latihan Ilmiah ini.

Ucapan terima kasih juga diberikan kepada mereka yang banyak membantu dan memberikan kerjasama sepanjang membuat Latihan Ilmiah ini seperti pihak Urus Setia Pejabat Daerah Tuaran, gereja-gereja dan individu-individu yang terlibat dalam memberikan penerangan dan maklumat berkaitan tajuk Latihan Ilmiah. Disamping itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara tidak langsung dalam membantu menyiapkan Latihan Ilmiah ini seperti kawan-kawan dan ibu bapa yang banyak memberikan sokongan, bantuan dan meluangkan masa bersama-sama terutamanya semasa membuat kajian lapangan.

Akhir sekali, saya berharap Latihan Ilmiah ini mampu membantu dan dijadikan sebagai panduan bagi penulisan yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Maria Anak Sami
Program Sejarah,
Sekolah Sains Sosial,
Universiti Malaysia Sabah.



ABSTRAK

Latihan Ilmiah ini mengupas sejarah perkembangan agama Kristian Katolik berlaku di Tuaran antara tahun 1930 hingga tahun 1994. Di samping itu juga, Latihan Ilmiah ini turut mengupas tentang reaksi, kesan dan bentuk-bentuk aktiviti yang dijalankan dalam menjayakan penyebaran dan perkembangan agama Kristian Katolik di kawasan tersebut. Masyarakat Tuaran terdiri daripada pelbagai kaum dan pada peringkat awalnya kebanyakan masyarakat masih pagan dan mengamalkan kepercayaan animisme dan sebilangan sahaja yang telah memeluk Agama Islam. Agama Kristian telah dibawa masuk ke Tuaran sejak pertapakan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British di kawasan tersebut. Agama Kristian Katolik berkembang dan banyak dipengaruhi oleh keadaan politik semasa. Dalam mengupas sejarah perkembangan agama Kristian Katolik di Tuaran kaedah temubual, kaedah penyelidikan melalui arkib dan juga perpustakaan diamalkan bagi tujuan mendapatkan maklumat.



ABSTRACT***HISTORY OF THE DEVELOPMENT OF CHRISTIAN CATHOLIC
RELIGION IN TUARAN, SABAH, 1930-1994***

The main objective of this exercise is to peel the development of the Christian Catholic Religion in Tuaran between years 1930 until 1994. Besides, this exercise was peeling the reaction, effect and activity form which help in the development of this religion. Tuaran society came from many ethnic and religion and in his early stages most Tuaran community still pagan and practice animism belief. Only a part of them is Muslim. Christianity have been brought into Tuaran since the British Chartered Company enters to Sabah and Tuaran area. Christian Catholic religions grow and influence a lot by current political state. Hence, to peel the history of the development of Christian Catholic religion in Tuaran some method are use such as interview method, research method trough archive and library to obtain information.



ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Penghargaan	i
Abstrak	ii
<i>Abstract</i>	iii
Isi Kandungan	iv
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	vii
Singkatan	viii
Pendahuluan	ix
Bab 1 Sejarah dan Latar Belakang Daerah Tuaran	
1.1 Asal Usul Daerah Tuaran	1
1.2 Sejarah Awal Pentadbiran Daerah Tuaran	4
1.3 Latar Belakang Ekonomi Masyarakat Tuaran	11
1.4 Masyarakat dan Kepercayaan Awal	16
Bab 2 Perkembangan Agama Kristian Katolik di Tuaran	
2.1 Sejarah Ringkas Pertapakan Agama Kristian di Sabah	22
2.2 Pertapakan Awal Agama Kristian Katolik di Tuaran	28
2.3 Perkembangan Agama Kristian Katolik di Tuaran 1930-1963	31
2.4 Perkembangan Agama Kristian Katolik di Tuaran 1963-1994	34
Bab 3 Bentuk-bentuk Aktiviti dan Penyebaran	
3.1 Gereja Sebagai Institusi Keagamaan dan Pusat Pengkhadiran	42
3.2 Pendidikan	49
3.3 Kewangan	54
3.4 Kesihatan	55
3.5 Pencetakan	56
3.6 Lain-lain Aktiviti dan Penyebaran	60
Bab 4 Reaksi dan Kesan Penyebaran	
4.1 Reaksi Masyarakat 1930-1963	62
4.2 Reaksi Masyarakat 1963-1994	65
4.3 kesan-kesan Penyebaran	71
Bab 5 Kesimpulan	78
BIBLIOGRAFI	82



LAMPIRAN A	86
LAMPIRAN B	87
LAMPIRAN C	88
LAMPIRAN D	89
LAMPIRAN E	90
LAMPIRAN F	91
LAMPIRAN G	92



SENARAI JADUAL

SENARAI	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Senarai Nama-Nama Ahli Parlimen P. 149 Tuaran	10
Jadual 1.2	Peruntukan Projek Kecil Luar Bandar P. 149 Tuaran Bagi Tahun 1991-1994	14
Jadual 1.3	Jumlah Penduduk Daerah Tuaran Berdasarkan Etnik dan Jantina Pada Tahun 1980	17
Jadual 1.4	Jumlah Penduduk Sabah Dari Segi Agama, Etnik dan Jantina pada tahun 1980	19
Jadual 2.1	Bilangan Gereja Pada Tahun 1986 di Tuaran	40
Jadual 3.1	Peruntukan Kelas Sekolah Rendah Bantuan Yang Diluluskan	53
Jadual 4.1	Bilangan Pelajar Sekolah Misi Katolik	74



SENARAI RAJAH

SENARAI	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Peta Daerah Tuaran	2
Rajah 1.2	Peta Penyerahan Kawasan Kesultanan Brunei Kepada Inggeris	6
Rajah 1.3	Rumah kedai (Lama) di Tuaran	15
Rajah 1.4	Gambaran Awal Penempatan di Tuaran	18
Rajah 2.1	Diocese Katolik di Kota Kinabalu	24
Rajah 2.2	Pelan Tapak Tanah Bagi pembinaan Gereja St. John	30
Rajah 4.1	Padang Daerah Tuaran Tempat Pengislaman Beramai-ramai Dilakukan	67
Rajah 4.2	Gereja St. Lukas, Kampung Rambai, Tamparuli	69
Rajah 4.3	Pusat Kesihatan Tuaran	76



SENARAI SINGKATAN

BCCM	<i>Basel Christian Church of Malaysia</i>
B. N. B	<i>British North Borneo</i>
BERJAYA	Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah
DUN	Dewan Undangan Negeri
KAN	Ketua Anak Negeri
Kg.	Kampung
PBS	Parti Bersatu Sabah
SBBUB	Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
St.	Saint
Rev	<i>Reverend</i>
USNO	United Sabah National Organisation
YB	Yang Berhormat



PENDAHULUAN

Pengenalan

Sejarah perkembangan agama Kristian di Kepulauan Borneo sering dikaitkan dengan kehadiran kuasa penjajah seperti pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak dan Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Sabah. Kehadiran kuasa-kuasa penjajah ini telah membawa bersama mubaligh-mubaligh mereka dengan tujuan menyebarkan agama Kristian di kalangan masyarakat tempatan. Penyebaran agama Kristian Katolik di Sabah dikatakan agak terlewat berbanding dengan mazhab Anglikan yang telah bertapak di Labuan pada tahun 1883 berikutan daripada pemerintahan James Brooke di Sarawak namun disebabkan masalah dalam membiayai penyebaran agama ini *Borneo Church Mission Institution* ditubuhkan¹. Hal ini adalah kerana penyebaran agama Kristian katolik di Sabah dikatakan bermula pada tahun 1885.

Tuaran merupakan sebuah daerah yang terletak di Pantai Barat Sabah dan mempunyai penduduk terdiri daripada pebagai etnik. Namun demikian etnik yang paling majoriti adalah etnik Kadazandusun. Pentadbiran Daerah Tuaran terbahagi kepada beberapa peringkat kuasa. Tuaran pernah berada di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei, Syarikat Berpiagam Borneo Utara British, kependudukan Jepun, pentadbiran Kolonial British dan selepas tahun 1963 politik dan sistem pemerintahan Daerah Tuaran kebanyakannya berada di bawah kepimpinan masyarakat tempatan. Agama Kristian telah dibawa masuk ke Tuaran semasa pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British lagi. Tahun 1930, Tuaran merupakan sebuah stesen misi Katolik dengan pendakwahnya Rev. Fr. Groot.

Kebanyakan masyarakat Tuaran sebelum pertapakan agama Kristian di kawasan tersebut masih pagan dan mengamalkan kepercayaan animisme. Hanya sebilangan masyarakat terutamanya masyarakat Bajau telah memeluk agama Islam. Agama Islam

¹ Mat Zin Mat Kib, *Kristian di Sabah: 1881-1994*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 56

telah dibawa masuk ke Tuaran lebih awal berbanding agama Kristian kerana kawasan tersebut pernah berada dibawah kekuasaan Kesultanan Brunei. Namun demikian, Daerah Tuaran telah diambil alih oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British pada tahun 1884. Keadaan ini secara tidak langsung mendorong kepada kedatangan para missionari untuk tujuan menyebarkan agama Kristian di kalangan masyarakat tempatan yang kebanyakannya masih pagan dan mengamalkan kepercayaan animisme.

PERMASALAHAN KAJIAN

Agama Kristian Katolik merupakan antara agama Kristian terawal yang bertapak di Tuaran dan majoriti penganutnya adalah masyarakat bumiputera yang terdiri daripada Kadazandusun. Perkembangan agama Kristian di Tuaran banyak dipengaruhi oleh keadaan semasa. Oleh itu, kajian ini melihat kepada tiga permasalahan utama;

Permasalahan pertama ialah bagaimanakah perkembangan agama Kristian Katolik di Daerah Tuaran dari tahun 1930 hingga 1994? Permasalahan yang kedua adalah apakah bentuk-bentuk aktiviti dan penyebaran yang dilakukan dalam menjayakan penyebaran dan perkembangan agama Kristian Katolik di Tuaran ? Tambahan pula, penduduk Tuaran terdiri daripada pelbagai kaum dan semestinya bentuk-bentuk aktiviti dan penyebaran memainkan peranan penting dalam menjana perkembangan agama Kristian Katolik di Tuaran.

Ketiga, apakah reaksi dan kesan penyebaran agama Kristian tersebut terhadap masyarakat setempat? Persoalan untuk mengetahui reaksi dan kesan penyebaran agama Kristian Katolik di Tuaran turut timbul. Tambahan pula sebelum kedatangan agama Kristian, ada di kalangan masyarakat Tuaran telah memeluk agama Islam dan sebilangan lagi masih pagan dan mengamalkan kepercayaan animisme.




OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dibuat untuk mengupas atau melihat perkembangan agama Kristian Katolik di Sabah dengan memfokuskan Daerah Tuaran sebagai kawasan kajian khususnya di kawasan yang dominan masyarakat kadazandusun. Di samping itu juga, kajian ini juga berobjektifkan untuk menjelaskan tentang bentuk-bentuk aktiviti dan penyebaran agama Kristian Katolik di sebarakan disamping membincangkan tentang reaksi dan kesan-kesan penyebaran agama Kristian Katolik di Tuaran.

SKOP KAJIAN

Lokasi kajian:



Skop Masa:

Kajian ini dijalankan di Daerah Tuaran, Sabah dengan memfokuskan kepada perkembangan agama Kristian Katolik disamping melihat reaksi masyarakat setempat dalam penerimaan mereka terhadap kehadiran agama ini. Skop kajian ini hanya khusus kepada kawasan yang dominan masyarakat KadazanDusun seperti Kiulu, Tamparuli dan bandar Tuaran itu sendiri. Kajian ini juga akan dilihat dari tahun 1930 iaitu sejak

tertubuhnya stesen misi Katolik pertama dibuka di Tuaran sehingga tahun 1994. Kajian ini menjangkau tahun 1994 adalah bertujuan melihat perubahan-perubahan terhadap perkembangan dan penerimaan agama ini di kalangan masyarakat sehingga zaman pemerintahan PBS.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian berkaitan perkembangan agama Kristian di Sabah tidak asing lagi dalam penulisan sejarah. Walau bagaimana pun, kajian tentang agama Kristian yang memfokuskan mazhab katolik di kawasan Tuaran adalah kurang dipertengahan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya. Oleh yang demikian, kajian yang akan dilakukan berkepentingan dalam menambah hasil kajian terhadap perkembangan agama Kristian di Malaysia dan juga di negeri Sabah. Kajian yang akan dibuat juga berkepentingan dalam menambah pengetahuan dan menyelongkar sejarah berkaitan perkembangan agama Kristian Katolik di Tuaran. Di samping itu juga, kajian yang akan dibuat juga berkepentingan dalam memperbanyakkan penulisan yang bersifat ilmiah.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian yang akan digunakan dalam membuat kajian tentang perkembangan agama Kristian Katolik di Tuaran adalah seharusnya mengikut kaedah penulisan dan penyelidikan sejarah. Antara kaedah yang digunakan adalah:

Kaedah arkib juga akan digunakan dalam penyelidikan bagi meneliti sumber-sumber primer seperti rekod-rekod dan laporan-laporan tertentu yang boleh diperolehi di Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara Cawangan Sabah dan Muzium Negeri Sabah.

Kaedah perpustakaan juga digunakan dalam penyelidikan bagi mendapatkan sumber-sumber sekunder seperti buku-buku, journal, artikel, kertas kerja dan tesis. Sumber-sumber ini boleh diperolehi di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah termasuk cawangannya di Tuaran, Perpustakaan Yayasan Sabah, dan juga di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Sabah.



Kaedah temu bual turut digunakan bagi mendapatkan maklumat secara langsung dari mereka yang berkaitan tentang penyelidikan yang dijalankan. Kaedah ini juga boleh mendapatkan maklumat berkaitan perubahan yang berlaku disamping mengetahui reaksi dan pengalaman individu tertentu dalam perkembangan agama ini di kawasan kajian.

SOROTAN LITERATUR

Sejarah perkembangan agama Kristian di Sabah sememangnya bukanlah sesuatu yang asing lagi dalam penulisan sejarah. Namun, penulisan tentang agama kristian yang hanya memfokuskan kepada kawasan-kawasan tertentu seperti di Daerah Tuaran adalah terlalu sukar untuk didapati.

Dalam penulisan tesis oleh Yahya bin Muhamad (1990), beliau telah membincangkan perkembangan agama Kristian semasa zaman-zaman tersebut. Dalam penyelidikan tersebut, beliau telah menjelaskan bahawa perkembangan misi agama Kristian ke Sabah begitu berjaya menjelang tahun 1963 sewaktu misi itu berada di bawah kawalan Mgr. Buis dengan stesen-stesen yang berpusat di Jesselton, Tanjung Aru, Limbahau, Papar, Membakut, Beufort, Tenom dan ke kawasan pendalaman Keningau, Tambunan dan Tobo. Sasaran yang lain tertumpu di jalan-jalan Jesselton-Tuaran-Ranau dengan stesen-stesen di Inanam, Telipok, Tuaran, Bundu Tuhan dan Ranau². Namun, kajian ini juga tidak membincangkan secara mendalam tentang perkembangan agama Kristian di Daerah Tuaran. Walau bagaimana pun, kajian beliau berkepentingan dalam membantu merungkai sejarah perkembangan agama Kristian di Tuaran terutamanya Katolik.

² Yahya Bin Muhamad, *Perkembangan Ugama Kristian di Sabah setelah merdeka: Sorotan pada Zaman Pemerintahan Kerajaan Perikatan USNO_SCA, Kerajaan Parti Berjaya dan Kerajaan Parti PBS*, Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah&Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989/90, hlm. 30.

Kajian awal yang dilakukan oleh Robert Hunt, Lee Kam Hing dan John Roxborough(1992)³ telah membincangkan tentang sejarah gerakan Kristian di Malaysia. Dalam kajian tersebut, dijelaskan bahawa agama Kristian Katolik telah sampai di Tanah Melayu pada tahun 1511 berikutan dengan kependudukan Portugis di Melaka. Walau bagaimana pun, tidak dijelaskan secara mendalam berkaitan dengan perkembangan agama Kristian Roman Katolik di Sabah. Sesungguhnya, kajian awal ini hanya memberi maklumat atau gambaran umum tentang perkembangan agama Kristian di Malaysia. Selain itu, Ghazali Basri (1999)⁴ dalam penyelidikannya juga menjelaskan sejarah awal agama Kristian di Sabah disamping membincangkan tentang usaha misionari dalam menyebarkan agama Kristian di Sabah termasuk mazhab Katolik. Sebagaimana kajian-kajian yang lain, kajian Ghazali Basri turut tidak memfokuskan kepada agama Kristian Katolik di Tuaran. Namun, kajian beliau berkepentingan dalam melihat pergerakan secara tidak langsung perkembangan agama Kristian di Tuaran.

Di samping itu juga, kajian Ismail Abdul Rahman (2000), membincangkan tentang perkembangan gereja-gereja Katolik di Malaysia termasuk Sabah. Walau bagaimana pun, kajian beliau tidak menyentuh secara mendalam tentang perkembangan agama Kristian di Daerah Tuaran. Sebagai contoh, beliau menulis bahawa antara tahun 1927-1939, 21 orang Paderi dan empat orang Brother telah dihantar oleh *Mill Hill* ke Borneo. Sistem Misi Katolik ini telah dibuka di Kudat dan Tuaran pada 1930-an dan di Keningau dan Kuala Belait pada 1936, 3 lagi misi Katolik di Jesselton, Penampang dan Papar telah diperbesar. Misi Katolik di Jesselton ditugaskan mengkristiankan penduduk Shangtung dan diperluaskan ke sepanjang Jalan Tuaran ke MengGatal dan Telipok⁵. Dalam penulisannya itu juga, beliau mengatakan bahawa pada tahun 1922, Fr. Groot menjadi rektor bagi Misi Katolik di Tuaran. Antara kawasan-kawasan yang ditadbir oleh Misi Tuaran ialah Inanam, Mengatal dan Telipok. Jelaslah di sini bahawa kajian beliau bersifat umum dan hanya menyentuh sedikit saja

³Hunt, R, Lee Kam Hing & Roxborough, J, 1992, *Christinity In Malaysia: A Denominational History*, Selangor: Pelanduk Publication.

⁴ Ghazali Basri, *Gerakan Kristian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

⁵ Ismail Abdul Rahman, *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. 67.



PEMBAHAGIAN BAB

Bab 1 akan menjelaskan tentang sejarah dan latar belakang Daerah Tuaran secara ringkas dengan merangkumi beberapa aspek iaitu asal usul daerah Tuaran, sejarah awal pentadbiran Daerah Tuaran, latar belakang ekonomi serta masyarakat dan kepercayaan awal. Sejarah dan latar belakang Daerah Tuaran memainkan peranan penting sebelum meneruskan penulisan berkaitan perkembangan agama bagi memperlihatkan keadaan daerah tersebut pada peringkat awal.

Bab 2 akan membincangkan tentang sejarah perkembangan agama Kristian Katolik di Tuaran. sebelum melihat perkembangannya di Tuaran, sejarah ringkas tentang kehadiran agama Kristian di Sabah akan dijelaskan secara ringkas. Bab 2 terbahagi kepada beberapa sub iaitu yang pertama sejarah perkembangan agama Kristian di Sabah, subtajuk kedua pula akan menjelaskan tentang pertapakan awal agama Kristian Katolik di Tuaran, subtajuk ketiga adalah berkaitan perkembangan agama Kristian Katolik di Tuaran dari Tahun 1930 hingga 1963 iaitu dari tahun penubuhan misi Katolik pertama di Tuaran sehingga kepada kemasukan Sabah ke dalam Malaysia. Subtajuk berikutnya akan membincangkan tentang perkembangan agama Kristian Katolik di Tuaran dari tahun 1963 sehingga tahun 1994 iaitu dari kemasukan Sabah ke dalam Malaysia sehingga berakhirnya kepimpinan Parti Bersatu Sabah di Sabah.

Bab 3 akan membincangkan tentang bentuk-bentuk aktiviti dan penyebaran yang dimainkan oleh badan-badan dakwah dan institusi gereja dalam usaha memperkembangkan agama Kristian. Oleh yang demikian, bab 3 dibahagikan kepada beberapa subtajuk iaitu berkaitan gereja sebagai sebuah institusi keagamaan dan pengkhadiran, pendidikan, kewangan, kesihatan, pencetakan dan lain-lain aktiviti dan penyebaran. Setiap subtajuk akan membincangkan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti dan penyebaran yang dilakukan dalam menjayakan perkembangan agama Kristian Katolik.



Bab yang keempat akan membincangkan tentang reaksi dan kesan-kesan penyebaran agama Kristian Katolik di Tuaran. Bab yang keempat terbahagi kepada beberapa subtajuk akan membincangkan tentang reaksi masyarakat sebelum tahun 1963. Dalam subtajuk ini juga akan dijelaskan tentang reaksi masyarakat dan keadaan penerimaan terhadap penyebaran agama ini semasa kependudukan Jepun secara tidak langsung. Bab 4.2 juga membincangkan reaksi masyarakat dari tahun 1963 hingga 1994. Akhirnya akan menjelaskan tentang kesan-kesan penyebaran agama Kristian Katolik di Tuaran secara menyeluruh iaitu dari tahun 1930 hingga ke tahun 1994.

Bab kelima adalah bab terakhir untuk kesimpulan dari keseluruhan kajian yang dijalankan. Bab ini akan merumuskan segala pencapaian atau perkembangan berkaitan apa yang dibincangkan dalam penulisan.



BAB 1

SEJARAH DAN LATAR BELAKANG DAERAH TUARAN

1.1 ASAL USUL DAERAH TUARAN

Daerah Tuaran hari ini terletak kira-kira 34 km dari kota Kinabalu, Sabah dan menjadi laluan ke Utara dan Timur negeri Sabah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa untuk ke kawasan seperti Kota Belud, Sandakan, Ranau, Semporna, Tawau dan Kudat perlu melalui Tuaran terlebih dahulu. Kebanyakan kawasan Tuaran adalah berbukit-bukau dengan Banjaran Crocker yang merentangi sebahagian muka bumi Tuaran dengan ketinggian 1200 hingga 2500 meter dari aras laut. Keluasan Tuaran boleh dianggarkan hampir sama dengan keluasan Negeri Perak iaitu lebih kurang 1170km persegi atau 450 batu persegi dan mempunyai lebih kurang 74 232 orang penduduk mengikut bancian tahun 2000¹.

Daerah Tuaran berkembang dengan pesat terutamanya selepas kemerdekaan Sabah dan kemasukannya ke dalam Malaysia pada tahun 1963. Pada waktu itu, pucuk pimpinan Daerah Tuaran sudah berada di bawah pegangan anak-anak tempatan atau pun masyarakat pribumi sendiri. Keadaan ini secara tidak langsung membantu kewujudan Tuaran sebagai sebuah bandar seiring dengan kawasan-kawasan lain di Sabah. Seperti mana kawasan-kawasan lain, Tuaran juga mempunyai sejarah dan asal-usul namanya yang tersendiri. Sejarah Tuaran membantu dalam pembentukan Tuaran sebagai sebuah daerah yang membangun pada hari ini.

¹ *Data Maklumat Daerah Tuaran, Pejabat Daerah Tuaran, hlm 1.*

Rajah 1.1: Peta Daerah Tuaran



Sumber: Perpustakaan Daerah Tuaran

Asal usul dan bila nama Tuaran mula diguna pakai adalah sesuatu yang agak sukar untuk dipastikan ketepatannya. Pelbagai pandangan dan pendapat telah dikemukakan oleh para pengkaji berkaitan asal usul nama Tuaran. Sebahagian pendapat mengatakan bahawa nama Tuaran diambil sempena aktiviti tawar menawar

yang berlaku di tamu minggu Tuaran. Sejarah Tuaran memperlihatkan bahawa Tuaran amat terkenal dengan tamu minggunya yang sering dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat. Kebanyakan mereka yang datang berkunjung ke Tamu Tuaran ini bertujuan untuk membeli-belah dan berniaga. Mereka biasanya membawa hasil-hasil jualan mereka menggunakan sampan atau rakit. Kebiasaannya, barang-barang yang dijual adalah hasil-hasil tanaman. Di samping itu juga, sistem barter (sistem tukar-barang) berlaku di antara penjual dan pembeli. Berikutan dengan kewujudan tamu dan aktiviti tawar-menawar di tamu Tuaran ini dipercayai timbullah nama Tuaran bagi kawasan tersebut.

Oscar Cook yang merupakan D. O Tuaran semasa zaman pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British dalam lingkungan tahun 1910-an menggambarkan tentang keadaan tamu Tuaran seperti berikut;

"...The Tamu itself is a babel and buzz of excitement. In the little groups the natives sits and spread there wares out on the ground before them; bananas, langsats, pines and bread fruits; and, in season, that much beloved but foul-smelling fruits the Durian. Mats and Straws-hats and ropes; fowls, ducks, goats and buffaloes; pepper. Gambia, sirih and vegetables; rice (padi),..."²

Selain daripada itu, nama Tuaran juga dipercayai turut diambil sempena nama Sungai Tuaran yang terletak berhampiran dengan Pekan Tuaran. Sungai ini berperanan sebagai jalan pengangkutan bagi masyarakat setempat dan berfungsi sebagai bekalan air tawar. Air dari Sungai Tuaran ini juga tawar rasanya. Namun demikian, di muara Sungai Tuaran airnya rasa masin. Sungai ini dinamakan sebagai Sungai Tuaran sejak dahulu lagi. Hal ini turut diakui oleh penduduk Kampung Tudan Tuaran yang terletak di hulu Sungai Tuaran dan penduduk Kampung Sahbandar yang terletak di muara Sungai Tuaran.

Nama Tuaran juga telah diterima pakai di daerah ini sebelum pertapakan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British di Sabah. Hal ini jelas dilihat melalui surat-surat rasmi pihak berkuasa British yang ditulis sebelum mereka menjejakkan kaki di

² Cook, Oscar, *Borneo: The Stealer of Hearts*, New York: Houghton Mifflin Company, 1924, hlm. 123.



kepulauan Borneo. Sebagai contoh, surat rasmi yang dikemukakan oleh Stamford Raffles yang menjadi Gabenor British di Jawa pada tahun 1813 kepada Setiausaha British di India yang bertujuan memohon kebenaran memasuki Borneo Utara atas pelawaan Sultan Brunei. Pelawaan daripada Sultan Brunei tersebut adalah disebabkan masalah perlanunan yang berleluasa di Jawaran (Tuaran) dan di kawasan Jampasok (Tempasuk)³. Nama Tuaran dalam surat tersebut adalah Jawaran (Tuaran).

Jelaslah disini bahawa nama Tuaran sememangnya telah dikenali sejak sebelum kehadiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British lagi. Namun demikian, yang menjadi perbezaan Tuaran dahulu dan hari ini adalah dari segi keluasan kawasan, pembangunan, corak pemerintahan dan corak kehidupan serta taraf sosialnya yang sentiasa berkembang mengikut peredaran masa dan dipengaruhi juga oleh corak pemerintahannya. Asal usul nama Tuaran jika dilihat dari aspek siapa dan bila kawasan ini dinamakan sebagai Tuaran sememangnya sukar untuk ditemui ketepatannya.

1.2 SEJARAH AWAL PENTADBIRAN DAERAH TUARAN

Syarikat Berpiagam Borneo Utara British bertapak di Sabah secara rasmi dalam tahun 1881 apabila orang Amerika gagal dalam percubaannya mendirikan petempatan selama sepuluh tahun di Sabah. Namun pada tahun 1877 dan 1878 adik beradik Overbeck, Cowie dan Dent telah berjaya mendapatkan geran tanah dari Sultan Brunei iaitu, Pangeran Temenggung dan Sultan Sulu yang merentang daripada Teluk Gaya di pantai barat Sungai Sibuco di timur termasuk Sungai Kimanis dan Sungai Benoni dengan tanah berkeluasan 28, 000 batu persegi⁴. Mereka telah mendapatkan kawasan ini dengan cara bayaran tahunan. Syarikat Berpiagam Borneo Utara British telah mengambil alih setelah mereka diberikan piagam oleh Kerajaan British. Piagam yang diberikan tersebut juga secara tidak langsung melindungi keseluruhan perdagangan orang British dengan negeri China. Kehadiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British telah mempengaruhi politik, ekonomi dan sosial masyarakat tempatan di Borneo Utara termasuk di kawasan Tuaran.

³ *Data Maklumat Daerah Tuaran: Latar Belakang Daerah Tuaran, Pejabat Daerah Tuaran*, hlm. 3.

⁴ Lee Yong Leng, *Sabah: Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982, hlm. 35.



BIBLIOGRAFI

1. Rekod Kerajaan Yang Tidak Diterbitkan

Carta Organisasi Gereja St. John.

Data Maklumat Daerah Tuaran. Pejabat Daerah Tuaran.

Galeri Pesta Keamatan, Muzium Negeri Sabah.

2. Laporan-Laporan Kerajaan

Annual Report on the Colony of North Borneo 1947.

Annual Report of the Colony of North Borneo 1955.

Siaran Perangkaan Tahunan 1989, Jabatan Perangkaan Malaysia, cawangan Sabah, Kota Kinabalu.

3. Fail-Fail Arkib

Fail No. ED/EFA/509 vol 2-SM. St. John Tuaran.

North Borneo Central Archives, Fail No. 03284- R. C. Mission Land at Tuaran.

Tamparuli, Docket No. 29-Daerah Kecil Tamparuli.

Tuaran, Docket No. 33 –Sejarah Ringkas Daerah Tuaran.

4. Buku

Azmah Abdul Manaf. 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Cook, Oscar. 1924. *Borneo: The Stealer of Hearts*. New York: Houghton Mifflin Company.

Ghazali Basri. 1999. *Gerakan Kristian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hunt, R, Lee Kam Hing & Roxborough, J. 1992. *Christinity In Malaysia: A Denominational History*. Selangor: Pelanduk Publication.



- Ismail Abdul Rahman. 2000. *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Yusof. 2004. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lee Yong Leng. 1982. *Sabah: Satu Kajian Geografi Petempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rooney, J. 1981. *Khabar Gembira-A History of The Catholic Church in East Malaysia and Brunei*. London-Kota Kinabalu: Burns and Oales Ltd. Mill Hill Missionaries.
- Mat Zain Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Nor Bin Long. 1978. *Perkembangan Pelajaran di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Muhiddin Yusin. 1990. *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sullivan, Anwar & Cecilia Leong. 1981. *Commemorative History of Sabah 1881-1981*. Sabah State Government.
- _____. 2002. *Silver Jubilee Of The Diocese of Kota Kinabalu*. Kota Kinabalu: Diocese of Kota Kinabalu.
- _____. 1983. *Sabah Dalam Sejarah*. Kota Kinabalu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sabah.

5. Latihan Ilmiah/Tesis

- Claire Micheal Junis. 2006. *Penyebaran Agama Kristian Katolik dan Perkembangan Sekolah Mubaligh Di Tambunan, 1894-1994*. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.
- Jainuddin Malik. *Bajau File: Kedatangan Masyarakat Bajau di Sabah*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya.
- Joel Bin Apok. 2005. *Sejarah Perkembangan Agama Kristian True Jesus Church di Daerah Tamparuli, 1936-2004*. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.



Julianus Anggau. 1991. *Peranan Mubaligh-Mubaligh Kristian Katolik Dalam Perkembangan Pendidikan di Sabah (1900-1963)*. Jabatan Sejarah. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yahya Bin Muhammad. 1990. *Perkembangan Ugama Kristian Di Sabah Setelah Merdeka: Sorotan Pada Zaman-Zaman Kerajaan Parti Perikatan USNO-SCA, Kerajaan Parti Berjaya dan Kerajaan Parti PBS*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.

6. Akhbar

Catholic Sabah. May 1979.

Catholic Sabah. December 1979.

Catholic Sabah. May 1981.

Catholic Sabah. July 1981.

Catholic Sabah. Februari 1982.

Catholic Sabah. March 1987.

Sabah Catholic Women League News. December 1987.

The British North Borneo Herald. December 1917. The Orang Dusun of B. N. B.

The British North Borneo Herald. November 1987. Missionary Beginnings In North Borneo

7. Artikel

Tregonning, K. G. July 1966. "Two Notes On Church History In Sabah." *JMBRAS*. 166.

8. Respondan Yang Ditemu Bual

Haji Basri Mohidin. 73 tahun. Ketua Kampung Serusup. 26 Mac 2009. 3.00pm. Kampung Serusup.



Lucy Juani. 35 tahun. Katekis Gereja St. Lukas Kampung Rambai, Tamparuli. 9 April 2009. 2.40 pm. Kampung Rambai. Anang Bin Apong. Ketua Daerah Bahagian Dusun.

Okk Anang Bin Apong. Ketua Daerah Bahagian Dusun. Pejabat Urus Setia Daerah Tuaran. November 2008.

Paroki St. John Tuaran. (nama, gambar dan Jawatan tidak ingin disiarkan). Februari 2009. Gereja St. John, Tuaran.

Siti Ramlah binti Kawi. 68 tahun. Penduduk Kampung Serusup. 26 Mac 2009. 3.00pm. Kampung Serusup.

9. Laman Web

Diocese Katolik di Kota Kinabalu. < http://www.kkdiocese.net/catholic_sabah>. 2 Februari 2009.

Pusat Paroki St. John. <<http://www.panoramio.com>>. 8April 2009.

Gereja Katolik St. John, Tuaran. <<http://www.panoramio.com>>. 8April 2009.

Gereja Katolik St. Philip, Tamparuli. <<http://www.panoramio.com>>. 8April 2009.

